

31/05/1998

Bekas MB serah kepada BPR siasat harta

Khairul Bahri Basaruddin in Brisbane

BRISBANE: Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata terpulang kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk menyiasat harta dan kekayaan dimilikinya seperti keterangan yang diberikan di mahkamah Australia.

Menurutnya, beliau sudah mengisytiharkan harta miliknya di Australia dan New Zealand kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan BPR selepas ditahan pihak berkuasa Australia pada Disember 1996.

"Itu terpulang... Mereka boleh periksa balas, apa yang saya sudah cakap kepada BPR dulu saya mesti beritahu yang itu juga," katanya ketika ditemui di sini semalam selepas Mahkamah Daerah membebaskannya daripada dua tuduhan mengikut Akta Laporan Urus Niaga Kewangan Australia 1988.

Beliau berkata, sejak menjadi Menteri Besar Selangor pada 1986 dan setiap kali berakhirnya pilihan raya umum, beliau serta keluarga membuat perisytiharan harta kepada Perdana Menteri dan BPR.

"Kami sentiasa membuat perisytiharan harta kepada Perdana Menteri. Jadi saya sudah mengisytiharkan aset saya sebaik saja saya menjadi Menteri Besar Selangor pada 1986 dan seterusnya pada setiap kali pilihan raya umum.

"Begitu juga dengan aset yang kami beli, yang keluarga kami beli, semuanya sudah diberitahu di mahkamah. Kami beritahu secara terperinci kepada BPR sumber wang itu, harta yang kami beli sama ada di Australia atau di New Zealand.

"Semuanya sudah dilaporkan secara terperinci setakat yang mampu dan saya pasti Perdana Menteri sudah diberitahu berhubung perkara ini. Apa yang kami beritahu mahkamah tidak berbeza daripada yang diberitahu kepada PM," katanya.

Muhammad ketika perbincangan Isnin lalu memberitahu mahkamah bahawa beliau menggunakan nama isterinya, Puan Sri Asbi Rohani Hasnan, untuk membeli beberapa harta di Australia dan New Zealand.

Harta-harta itu ialah tanah bernilai A\$460,000 dan banglo yang juga bernilai A\$460,000 di Sovereign Island, Gold Coast; ladang di Currajong kedua-duanya di Australia bernilai A\$3.7 juta; rumah bernilai NZ\$500,000 dan dua bidang tanah bernilai kira-kira NZ\$4 juta di New Zealand.

Kepada satu soalan, Muhammad berkata terpulang kepada Dr Mahathir dan BPR untuk membuat kenyataan berhubung perisytiharan hartanya dan milik keluarga beliau.

"Terpulang kepada BPR dan PM. Apa yang saya mahu tekankan saya dah buat perisytiharan kepada mereka, dari mana datangnya wang itu, dari adik beradik mana, seperti yang anda tahu dari kes mahkamah, kami sebuah keluarga yang besar.

"Saya sendiri sebelum menjadi MB 1986 saya adalah pemaju perumahan di Bandar Melaka di tengah-tengah bandar Melaka. Saya mempunyai projek bernilai RM30 juta. Saya menguasai 55 peratus saham syarikat itu; Draland Sdn Bhd yang memajukan tanah seluas 16 ekar di kawasan utama yang dipanggil Taman Bandar.

"Apabila saya menjadi MB, syarikat ini diambil alih oleh adik saya Raduan, Hassan dan Hasbullah. Kami bekerja sebagai sebuah keluarga, maka apa sahaja yang kami buat kami mengambil kira kepentingan keluarga. Semua ini sudah dilaporkan kepada BPR secara terperinci," katanya.

Muhammad berkata, sehingga hari ini beliau masih belum diberitahu oleh BPR sama ada badan berkenaan sudah menutup penyiasatan ke atasnya dan

mengambil tindakan selanjutnya.

"Saya tidak tahu perkara ini. Tapi yang pentingnya kalau anda tanya apa yang saya cakap di mahkamah dengan apa yang kita bagi tahu pada BPR, sama sekali tidak lari.

"Semuanya dia orang ada, mereka menemuduga saya, adik beradik saya memeriksa apa sahaja... akaun ke, bank akaun ke, segala-galanya dia orang dah bentangkan kita punya aset.

"Kami sudah menyemak akaun bank kami dan hartanah, apa sahaja sumber pendapatan yang masing-masing ada. Saya fikir selama sebulan saya sudah disoal siasat," katanya.

Ditanya mengenai hartanya di Sovereign Island Gold Coast dan Currajong Park, Muhammad berkata beliau sudah menjual rumahnya di pulau berkenaan tiga bulan lalu.

Katanya, beliau kini menunggu tawaran baik untuk menjual ladangnya di Currajong Park yang dibeli atas nama isterinya, Asbi Rohani berharga A\$3.7 juta pada 1996.

Muhammad berkata, tiga harta milik keluarganya di New Zealand akan dijual secepat mungkin jika mendapat tawaran baik dan membawa wang jualan itu ke Malaysia.

Mengenai wang lebih A\$1.2 juta, Muhammad berkata pihak berkuasa sudah menyerahkan kepada beliau dan adik beradiknya semalam.

(END)